



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
Beg Berkunci 2057, 88999 Kota Kinabalu
SABAH, MALAYSIA
Tel.: 088-368900
Laman web: jpkn.sabah.gov.my



Ruj. kami : JPKN 100-4 JLD. (132)
Tarikh : 11 Ogos 2025

**SEMUA TIMBALAN PENGARAH
SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH
SEMUA KETUA CAWANGAN**

Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING DALAMAN JPKN BIL.04/2025
LANGKAH PENJIMATAN KERTAS JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI**

Dengan hormatnya saya merujuk berhubung perkara di atas.

2. Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) adalah diingatkan untuk melaksanakan langkah penjimatan kertas bagi menjamin kelestarian pejabat dan alam sekitar seperti berikut:

BIL.	PERKARA	INISIATIF
i.	Cetakan dokumen seperti contoh borang berkaitan perkhidmatan seperti pinjaman mikrokomputer, permohonan bantuan bayaran ubat/rawatan hospital dan seumpamanya.	Cetakan depan belakang.
ii.	Cetakan dokumen rasmi dan penting terutama yang melibatkan kesan perundangan. (Contoh: Surat setuju terima, prosiding perundangan dan lain-lain)	Untuk rekod fail, salinan hendaklah dicetak depan belakang bagi tujuan.
iii.	Edaran nota/bahan bagi tujuan bengkel/latihan/kursus/ seminar dan lain-lain.	Tiada cetakan fizikal. Nota/bahan hendaklah diemel kepada peserta/pegawai terlibat. Peserta tidak dibenarkan mencetak bahan menggunakan pencetak pejabat tanpa kebenaran. Sekiranya mendapat kebenaran, ianya hendaklah dicetak depan belakang.

.../2



“SABAH MAJU JAYA”

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD. (132)

Tarikh : 11 Ogos 2025

BIL.	PERKARA	INISIATIF
v.	Draf kertas kerja/minit/nota/bahan mesyuarat/bengkel/seminar dan lain-lain.	Tiada cetakan fizikal. Penggunaan konsep kolaborasi dalam talian (Google Workspace) secara optimum hendaklah diamalkan.
vi.	Undangan mesyuarat/bengkel dalaman jabatan.	Tiada cetakan fizikal. Gunakan emel rasmi atau sistem berkaitan. Contoh BayuEvent.
vii.	Memorandum dalaman jabatan.	Gunakan emel rasmi kecuali perkara yang perlu kelulusan bertulis Ketua Jabatan terutamanya yang melibatkan kesan perundangan.

3. Semua pegawai dan kakitangan JPKN mestilah menjaga integriti masing-masing dalam melaksanakan tugas.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Profesionalisme Teras Keunggulan”



(ERNYWATI DEWI ABAS)

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah

PIAA/ea

“SABAH MAJU JAYA”